

01/04/2003

Cadang kaji penggunaan produk petroleum elak beban pengguna

MUAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengkaji penggunaan menyeluruh produk petroleum bagi memastikan ia tidak membebankan pengguna dan kerajaan, berikutan jangkaan kos minyak di pasaran dunia terus meningkat.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata kajian itu dimulakan minggu lalu, turut mengambil kira maklum balas semua pihak berkaitan industri itu. Ia dijangka siap dalam masa sebulan.

Beliau berkata, pihaknya juga akan merujuknya kepada Majlis Penasihat Petroleum Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana kajian itu membabitkan perubahan dasar, perlembagaan, dan insentif.

"Peningkatan harga produk petroleum menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos yang tinggi kerana produk itu diberikan subsidi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup majlis Wacana Muhasabah Diri Pemuda dan melancarkan projek Menara Ilmu Pagoh, di sini, petang kelmarin.

Muhyiddin berkata, sepanjang April ini saja, kerajaan terpaksa mengeluarkan subsidi lebih RM750 juta untuk menanggung kos petroleum dan jumlah itu boleh memberi kesan kepada sumber kewangan untuk membiayai projek pembangunan yang lain.

"Satu dasar menyeluruh perlu diwujudkan bagi menghadapi kemungkinan harga minyak terus meningkat yang akan menyebabkan tanggungan kerajaan semakin bertambah.

"Ini adalah isu utama yang perlu kita kemukakan kepada kerajaan dalam usaha memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna produk petroleum pada masa akan datang kerana kita jangkakan kos minyak di pasaran dunia terus meningkat," katanya.

Muhyiddin berkata, kajian itu juga perlu bagi membentuk satu garis panduan mengenai harga minyak pada masa akan datang dan kekerapan untuk menilai semula harga.

Katanya, kerajaan perlu melihat secara teliti situasi produk petroleum termasuk mengenai mekanisme harga automatik, subsidi diguna pakai bersama pengecualian cukai serta subsidi langsung dan tidak langsung bagi menstabilkan harga minyak.

"Contohnya, sepatutnya harga minyak naik antara dua hingga tiga sen awal bulan lalu tetapi kerana kerajaan memberikan subsidi, harga tidak naik (ke paras itu) dan kerajaan terpaksa menanggung beban kenaikannya.

"Kajian itu bukan saja soal isu harga tetapi kementerian sedang menyediakan kajian untuk dibawa ke Kabinet bagi melihat secara meluas mengenai situasi produk petroleum," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya akan mencadangkan kepada kerajaan mengenai penyelarasan dan mekanisme yang boleh diguna pakai bagi menetapkan harga produk petroleum.

Muhyiddin berkata, kementeriannya juga akan mengambil kira subsidi kerajaan yang diperuntukkan kepada semua produk petroleum dan sama ada ia perlu dimasukkan dalam peruntukan Bajet negara.

Katanya, pada masa ini, peruntukan subsidi tidak dimasukkan dalam Bajet menyebabkan ia ditambah mengikut keperluan semasa.

"Kajian juga membabitkan kemudahan jangka panjang pengguna di negara ini supaya mempunyai pilihan lain bagi mengurangkan kos penggunaan produk petroleum. Antara yang diambil kira ialah dasar untuk menggalakkan

penggunaan NGV iaitu gas untuk kenderaan bagi menggantikan petroleum dan diesel," katanya.

Pada masa ini, NGV yang lebih murah daripada diesel dan petroleum premium serta mesra alam, dijalankan secara percubaan kepada beberapa teksi di Lembah Klang.